

◉ PAMERAN

Refleksi di UNIMAS

Pameran Kreativiti, Inovasi, Teknologi dan Penyelidikan dalam Seni (E-CITRA) bertemakan Refleksi diadakan di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kota Samarahan, sehingga 12 Januari ini.

Pameran yang disertai 28 seniman dan penyelidik fakulti itu, mempamerkan karya yang menggunakan pelbagai genre seperti lukisan, seramik, arca, percetakan, fotografi, muzik, filem, tekstil dan media baru.

Karya peserta memberikan bayangan terhadap proses kreatif dan pembinaan diri sepanjang 2012, sekali gus memperlihatkan sifat dinamik seniman daripada pelbagai bidang pengajian.

Tema Refleksi turut menggambarkan karya yang memberi tumpuan terhadap usaha bertindak balas, memahami, membina dan menggunakan pemikiran peserta pada situasi baru.

Pameran itu turut diadakan sempena ulang tahun UNIMAS Ke-20 itu, manakala maklumat lanjut layari www.facebook.com/ecitra.faca atau www.faca.unimas.my.